

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 4 TAHUN 1967

KUASA PENDAFTAR DI BAWAH SEKSYEN 380 KTN UNTUK MEMBETULKAN KESILAPAN-KESILAPAN

Seksyen 380(1) KTN memberi kuasa kepada Pemungut Hasil Tanah (sebagainya Pendaftar) membetulkan mana-mana kesilapan, ketinggalan atau lain-lainnya mengenai hakmilik Pejabat Tanah (termasuk hakmilik sementara) atau ingatan (memorial) yang ditulis di atasnya.

2. Untuk mengelakan daripada tindakan di bawah seksyen 380(1)KTN ini dijalankan dengan tidak menurut Undang-undang maka adalah difikirkan lebih molek sekiranya tindakan oleh Pemungut Hasil Tanah itu dirundingkan dengan Pesuruhjaya Tanah dan Galian sebelum dilaksanakan.

3. Oleh yang demikian maka Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah diminta mengedarkan fail-fail atau melaporkan keputusan-keputusan yang dibuat di dalam penyiasatan-penyiasatan yang dijalankan di bawah seksyen 380(1) KTN bagi mendapat pengesahan daripada Pesuruhjaya Tanah dan Galian sebelum keputusan dilaksanakan.

t.t
(Akasah bin H.A. Rahman)
Pesuruhjaya Tanah dan Galian
Kelantan

**PEJABAT PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN
KELANTAN**

KOTA BHARU: 10HB. DISEMBER, 1967.

PTG.Kn. 114/67/(1)